

# DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KEENAM BELAS NEGERI SABAH

## ATURAN URUSAN MESYUARAT

HARI ISNIN, 27 NOVEMBER 2023, PUKUL 10:00 PAGI

Bil.9

---

### PERTANYAAN-PERTANYAAN UNTUK JAWAPAN LISAN

- \*1. **YB. Datuk Seri Panglima Hj. Mohd Shafie bin Hj. Apdal [Senallang]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, mohon penjelasan mengenai rundingan dengan Indonesia berkaitan Pulau Sebatik di bawah Perjanjian Laut Sulawesi, apa yang dituntut oleh Indonesia dan sama ada perjanjian sudah dibuat atau masih dalam peringkat perundingan.
- \*2. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah perancangan kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran bahan makanan bagi memenuhi keperluan rakyat terutama beras dan daging ruminan.
- \*3. **YB. Dr. Daud bin Yusof [Bongawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, adakah kerajaan mempunyai perancangan untuk menaiktaraf Klinik Kesihatan Pekan Bongawan.
- \*4. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA:-**
  - a) adakah masalah kerosakan jalan raya dipantau oleh pihak JKR dari semasa ke semasa sebelum kerosakan tersebut menjadi isu aduan daripada penduduk-penduduk setempat; dan
  - b) jika ada, apakah jadual pemantauan tersebut.
- \*5. **YB. Datuk Jaffari bin Waliam [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah usaha kerajaan dalam kempen memperkasa subjek sains, teknologi dan inovasi khasnya terhadap pelajar luar bandar.
- \*6. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, berapakah anggaran kehadiran pelancong ke Sabah pada tahun ini dan tahun hadapan.
- \*7. **YB. Datuk Seri Panglima Yong Teck Lee [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah status pindaan Enakmen Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) 1978 yang diluluskan Dewan Undangan Negeri pada 10 Ogos lalu dan apakah hasil perbincangan dengan "Stakeholders" dalam sektor perumahan.

- \*8. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, bagaimanakah kaedah penilaian pihak kementerian untuk menyesuaikan semula peruntukan pembangunan, penyelenggaraan prasarana dan infrastruktur asas setiap kawasan DUN di negeri ini.
- \*9. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN:-**
- a) apakah bidang – bidang pelaburan dari luar negara dan dalam negara yang telah menyatakan keinginan untuk melabur di Sabah dan berapakah jumlah pelaburan; dan
  - b) bilakah pelaksanaan setiap pelaburan tersebut.
- \*10. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh kerajaan dalam menoktahkan kadar sifar miskin tegar di negeri Sabah.
- \*11. **YB. Tuan Azhar bin Datuk Haji Matussin [Darau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah punca sebenar bekalan air di Taman Kingfisher 2, Likas terlalu kerap terputus dan berlanjutan berhari-hari dalam satu masa.
- \*12. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, mohon penjelasan mengenai pelaksanaan Kad Menu Rahmah di Sabah.
- \*13. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI BELIA DAN SUKAN**, adakah pihak kementerian bercadang untuk melakukan penambahan bina baharu arena-arena belia di negeri ini terutama di kawasan luar bandar atau pedalaman seperti membina arena belia di mukim sepulut daerah Nabawan atau di daerah kecil Pagalungan Nabawan
- \*14. **YB. Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, berapakah jumlah wang daripada caj 0.20 sen untuk bag plastik di kedai-kedai dan supermarket yang telah dikutip oleh Majlis Perbandaran Sandakan dan bagaimanakah wang ini digunakan.
- \*15. **YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Bandau]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah perkembangan berkenaan proses dan status pengeluaran tanah SAFODA yang telah dipohon untuk diwartakan sebagai Tanah Perkampungan terutamanya di kawasan DUN Bandau seperti di Kg Mangin 1, Kg Mangin 2 dan Kg Menggaris.

- \*16. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, berapakah hasil keluaran beras negeri bermula tahun 2000 hingga 2023.
- \*17. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, bagaimanakah inisiatif di bawah Halatuju Sabah Maju Jaya (SMJ) telah menyumbang secara signifikan kepada keyakinan pelabur asing terhadap ekonomi negeri.
- \*18. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, bagaimanakah prestasi pelaksanaan rangkaian 5G di Sabah.
- \*19. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR**, adakah pihak kementerian bercadang mewujudkan program-program baharu yang berimpak tinggi dan berkesan dalam usaha pembasmian golongan miskin tegar secara total selari dengan pelan pembangunan hala tuju Sabah Maju Jaya.
- \*20. **YB. Datuk Hiew Yun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, adakah kementerian mempunyai rancangan untuk menaiktaraf kemudahan dan mencantikkan Pasir Putih, Batu Sapi dan menjadikannya salah satu pusat tarikan pelancongan di daerah Sandakan.
- \*21. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN MASYARAKAT DAN KESEJAHTERAAN RAKYAT**, apakah usaha untuk menukar dasar program dan kursus khas di kawasan luar bandar yang menghadkan umur peserta kepada 40 tahun dan berapakah peruntukan dalam Belanjawan 2024 untuk program luar bandar terutamanya untuk wanita warga emas atau yang sudah berpenčen.
- \*22. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah rancangan bagi memajukan kawasan tanah yang luas dan berpeluang dijadikan sebagai kawasan industri pertanian di Sabah.
- \*23. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **MENTERI PEMBANGUNAN PERINDUSTRIAN DAN KEUSAHAWANAN**, apakah tindakan daripada pihak kerajaan untuk membantu peniaga dalam keadaan ekonomi yang belum lagi kembali rancak bagi mengelakkan meningkatnya tahap pengangguran di Sandakan.
- \*24. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, apakah langkah dalam mengatasi masalah kekurangan guru khususnya dalam bidang pendidikan Islam dan Sains di Sabah.

- \*25. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, bagaimana tahap pencapaian Hala Tuju Sabah Maju Jaya setakat ini.
- \*26. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN NEGERI**, adakah pihak kementerian bercadang untuk menambah pembinaan bangunan-bangunan atau lot-lot kedai di kawasan daerah Nabawan disebabkan daerah Nabawan berhampiran dengan sempadan antarabangsa dan ianya sebagai langkah persediaan apabila ibu Kota negara Indonesia berpindah ke Kalimantan.
- \*27. **YB. Datuk Mohd Arsad bin Bistari [Tempasuk]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah inisiatif yang boleh diambil oleh pihak kementerian bagi membantu golongan penternak lembu dan kambing khususnya di kawasan DUN Tempasuk berkenaan dengan pemberian kuota kepada golongan penternak kawasan ini melalui Bantuan Ternakan Ruminan yang diurustadbir oleh Jabatan Perkhidmatan Veteriner Sabah.
- \*28. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah tindakan kerajaan bagi membantu rakyat Sabah yang sudah tiga (3) tahun mengalami masalah ketiadaan bekalan air bersih.
- \*29. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **MENTERI PELANCONGAN, KEBUDAYAAN DAN ALAM SEKITAR**, apakah dasar Kerajaan Negeri mengenai pembukaan syarikat luar dari Sabah yang membuka syarikat di Sabah dalam industri pelancongan seperti '*operator*' pelancongan.
- \*30. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **MENTERI KEWANGAN**, apakah sektor tumpuan Kerajaan Negeri dalam membelanjakan peruntukan yang diberikan oleh Kerajaan Persekutuan untuk Sabah sebanyak RM6.6 bilion dalam Belanjawan Negara 2024.
- \*31. **YB. Datuk Hiew Vun Zin [Karamunting]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, bilakah pihak kementerian akan mengambil tindakan untuk memotong pokok-pokok tepi jalan di sepanjang Jalan Cecily yang terlalu besar dan rimbun yang sering menyebabkan kemalangan.
- \*32. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, sampai bilakah situasi menjual bekalan air mentah kepada pengguna akan berlarutan.

- \*33. **YB. Datuk Amisah Yassin [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah langkah segera atau jangka pendek kerajaan negeri untuk mengatasi dan menstabilkan keterjaminan makanan (*food security*) di Sabah.
- \*34. **YB. Datuk Jaffari bin Waliham [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah kerajaan bercadang menghantar pelajar Sabah ke universiti terbaik dunia seperti Oxford dan Harvard dan adakah kerajaan menyediakan biasiswa untuk tujuan berkenaan.
- \*35. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, berapakah jumlah peruntukkan yang dikhaskan untuk daerah Sandakan berkenaan bajet RM 1.1 bilion untuk menyelesaikan isu air memandangkan masalah air masin masih berlaku di Sandakan.
- \*36. **YB. Datuk Poon Ming Fung @ Frankie [Tanjong Papat]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah objektif yang telah dicapai Majlis Perbandaran Sandakan atas arahan kepada Pusat Beli Belah untuk mengenakan caj RM0.20 bagi setiap beg plastik yang diberikan kepada pengguna.
- \*37. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, adakah perancangan kerajaan untuk mengambil alih kawal selia sepenuhnya dan menaiktaraf sistem saluran air sawah agar berfungsi dengan lebih berkesan.
- \*38. **YB. Datuk Ignatius Dorell Leiking [Moyog]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) adakah kerajaan menuntut semula daripada Kerajaan Persekutuan untuk dikembalikan wang rampasan bernilai RM63 juta oleh SPRM berkaitan kes air Negeri Sabah pada tahun 2016; dan
  - b) apakah perancangan Kerajaan Negeri secara spesifiknya jika wang tersebut dikembalikan.
- \*39. **YB. Datuk Suhaimi bin Haji Nasir [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) apakah langkah-langkah diambil kerajaan negeri untukewartakan tanah-tanah perkampungan yang masih belum diwartakan; dan
  - b) berapakah jumlah kampung yang telah diwartakan dan belum diwartakan dalam Parlimen Libaran yang memiliki tiga kawasan DUN.

- \*40. **YB. Datuk Wong Hong Jun [Tanjong Aru]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah pelan jangka panjang yang efektif sedang dilaksanakan oleh kerajaan sekarang untuk mengatasi masalah air di Sabah.
- \*41. **YB. Datuk Hassan A Gani Pg. Amir [Sebatik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah insentif kerajaan dalam menarik lebih ramai rakyat mengusahakan tanaman makanan.
- \*42. **YB Tuan Mohd Tamin @ Tamin bin Zainal [Pantai Manis]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, mohon penjelasan berkenaan usahasama pembangunan rumah kedai diantara pemaju dengan Majlis Daerah Papar (MDP) di pekan papar dan berapakah pendapatan MDP dalam usahasama ini.
- \*43. **YB. Datuk Abdul Ghani bin Mohamed Yassin [Nabawan]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status perancangan terkini penaiktarafan dua buah jambatan utama yang menjadi laluan utama ke pekan Nabawan, bilakah penaiktarafan ini akan dimulakan.
- \*44. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapakah menara komunikasi dari inisiatif JENDELA yang telah siap dipasang dan yang dirancang untuk dibina di kawasan Keningau serta berapa peratuskah liputan jalur lebar di kawasan Pedalaman Atas pada masa kini.
- \*45. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, bagaimana syarikat dari Bintulu, Sarawak iaitu Press Metal Sdn Bhd boleh mendapat Lesen Pemetongan Pokok Akasia di tanah bekas konsesi SFI.
- \*46. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI II / MENTERI KERAJAAN TEMPATAN DAN PERUMAHAN**, apakah perancangan jangka pendek dan jangka panjang kerajaan untuk menyelesaikan isu petempatan setinggian di Sabah.
- \*47. **YB. Datuk Wetrom bin Bahanda [Bandau]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, apakah status projek melebarkan Jalan Dua Hala Laluan Langkon Pitas, Kota Marudu yang telah diumumkan dengan peruntukan awal RM5 juta oleh Ketua Menteri Sabah pada 23hb Ogos 2022.
- \*48. **YB. Datuk Dr. Haji Jaujan bin Haji Sambakong [Sulabayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, kenapakah masih terdapat lapan (8) daerah berstatus daerah termiskin di Sabah dalam pelaksanaan hala tuju "Sabah Maju Jaya".

- \*49. **YB. Puan Jannie Lasimbang [Kapayan]** bertanya kepada **KETUA MENTERI:-**
- a) berapakah peruntukkan yang telah digunakan untuk menampung dua orang Pemimpin Pembangunan Masyarakat (PPM) serta kakitangan lain di beberapa DUN di Sabah, khususnya di DUN Kapayan; dan
  - b) berapakah diperuntukkan untuk Unit Pemimpin Pembangunan Masyarakat di seluruh Sabah bagi 2023 dan 2024.
- \*50. **YB Dr. Aliakbar Gulasan [ADUN Dilantik]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah kerajaan bercadang membuka ladang ternakan lembu besar-besaran bagi mengatasi kenaikan harga lembu khususnya ketika hari raya korban.
- \*51. **YB. Assaffal @ Samsul Kamal P. Alian [Tungku]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, berapakah anggaran kos tahunan yang perlu dibayar oleh SESB dalam pembelian kuasa elektrik dari Lawas ke Mengalong, Sipitang dan adakah ia sudah bermula beroperasi.
- \*52. **YB. Tuan Calvin Chong Ket Kiun [Elopura]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, mohon senarai jumlah jalan raya di Sandakan yang sudah dimasukkan dalam senarai keutamaan bagi proses baikpulih dan naiktaraf oleh pihak kementerian.
- \*53. **YB. Tuan Hj. Dumi bin Pg Masdal [Silam]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI III / MENTERI KERJA RAYA**, adakah Kerajaan Negeri bercadang untuk membina Jalan alternatif dari Bandar Lahad Datu ke Kampung Sapagaya, kerana Jalan utama yang ada sekarang ini terlalu sesak terutama di waktu pagi dan petang.
- \*54. **YB. Datuk Dr Yusof @ Josree Yacob [Sindumin]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, di manakah tempat pendaratan tangkapan ikan laut dalam seperti tuna di Sabah dan berapakah jumlah tangkapan pada tahun 2022 dan 2023.
- \*55. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status operasi perlombongan Syarikat Southsea Gold Sdn Bhd di atas CL 105651438 Bukit Mantri, Daerah Tawau yang telah tamat tempoh pada 29 ogos 2023 dan adakah kerajaan Negeri masih membenarkan operasi perlombongan sehingga sekarang.
- \*56. **YB. Datuk Hamild @ Hamid Bin Hj. Awang [Balung]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, adakah perancangan dari kementerian untuk membina sebuah Sekolah Menengah Agama Berasrama Penuh di Daerah Tawau.

- \*57. **YB. Datuk Anwar Ayuub @ Annuar Ayub [Liawan]** bertanya kepada **MENTERI SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI**, berapa banyakkah Pusat Ekonomi Desa (PeDI) yang diwujudkan di Sabah dan apakah program yang dibuat oleh pusat ini dalam membangunkan ekonomi komuniti di kawasan luar bandar.
- \*58. **YB. Datuk Jonnybone J. Kurum [Telupid]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah punca kekurangan bekalan minyak Diesel di daerah Telupid.
- \*59. **YB. Datuk Mokran bin Inggat [Sungai Manila]** bertanya kepada **TIMBALAN KETUA MENTERI I / MENTERI PERTANIAN, PERIKANAN DAN INDUSTRI MAKANAN**, apakah usaha-usaha dan program-program yang telah dilakukan oleh Jabatan Pertanian, Jabatan Veteriner, Jabatan Perikanan dan lain-lain agensi di bawah kementerian untuk membantu meningkatkan pengeluaran makanan dan meningkatkan pendapatan petani, nelayan dan penternak di daerah Sandakan.
- \*60. **YB. Tuan Sarifuddin bin Hata [Merotai]** bertanya kepada **KETUA MENTERI**, apakah status perlombongan silika milik Yayasan Sabah di Pulau Balambangan yang diberikan kepada syarikat innovative platinum Sdn. Bhd

\*Pertanyaan-pertanyaan yang tidak sempat dijawab secara lisan akan dijawab secara bertulis.